



**SIARAN AKHBAR
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

1. Merujuk Siaran Akhbar Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bilangan IMM/PPA/PRO/13/Pt2 bertarikh 20hb., Jun 2022 dan 8hb., Ogos 2022.
2. Bermula pada **hari Isnin, 22hb Safar 1444 bersamaan 19hb September 2022** dan disamping pendaftaran bagi permohonan yang mencapai umur 12 tahun, JIPK akan mula membukakan pendaftaran bagi membaharui Kad Pengenalan yang mansuh dan menggantikan Kad-Kad Pengenalan yang rosak atau hilang iaitu khusus bagi Kad Pengenalan Kuning dan Ungu sahaja.
3. Bagi pendaftaran di Ibu Pejabat, pemohon-pemohon yang telah mencapai umur 12 tahun dan membaharui Kad Pengenalan yang mansuh dan menggantikan bagi Kad Pengenalan yang rosak atau hilang, pemohon bolehlah membuat temujanji melalui **Aplikasi Que-Up** atau secara **walk in**. Manakala di Pejabat-Pejabat Cawangan adalah secara **walk in**.
4. JIPK seterusnya memaklumkan kepada orang ramai khusus bagi yang telah mendaftar Kad Pengenalan berwarna **Kuning** dalam tempoh **17hb Februari 2022 hingga 9hb Ogos 2022** dan bagi Kad Pengenalan berwarna **Ungu** dalam tempoh **12hb Julai 2021 hingga 9hb Ogos 2022** yang masih belum dikeluarkan Kad Pengenalan masing-masing untuk hadir ke Bahagian Kad Pengenalan bagi pengambilan semula cap-cap jari dan gambar wajah bagi memenuhi keperluan di dalam Sistem Kad Pengenalan yang baharu. Dalam masa yang sama kaunter-kaunter pendaftaran yang khusus akan disediakan dan mereka adalah dikehendaki untuk membuat temujanji melalui **Aplikasi Que-Up** bagi Pendaftaran di Ibu Pejabat dan secara **walk in** bagi pendaftaran di Pejabat-Pejabat Cawangan.
5. Borang Pendaftaran boleh dimuat turun melalui laman sesawang JIPK www.immigration.gov.bn.



6. Untuk sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi melalui emel info@immigration.gov.bn atau talian seperti berikut semasa waktu bekerja;

Ibu Pejabat	7299550 (<i>WhatsApp</i>)
Cawangan Kuala Belait	7299597 (<i>WhatsApp</i>)
Cawangan Tutong	4221251
Cawangan Temburong	7299586 (<i>WhatsApp</i>)

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tarikh : 17 Safar 1444H / 14 September 2022
Rujukan : IMM/PPA/PRO/13/Pt2